

# JKDM tahan 8 kontena bawa sisa elektronik RM2.15 juta

186,737kg  
e-waste dari  
Kanada, Sepanyol  
dan Croatia  
dirampas  
dalam operasi

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Pelabuhan Klang:** Sejumlah 186,737 kilogram sisa elektronik (e-waste) dari Kanada, Sepanyol dan Croatia bernilai RM2,152,476 juta dirampas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang dalam satu operasi di Pelabuhan Utara, awal bulan ini.

Pengarah Kastam Negeri Pahang, Mohd Asri Seman, berkata kejayaan rampasan itu adalah kerjasama pasukannya dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor yang menahan lapan buah kontena bersaiz 12.19 meter di CP-Hold Yard, Pelabuhan Utara kira-kira jam 11 pagi, pada 3 Februari lalu.

"Hasil pemeriksaan lanjut yang dijalankan mendapati komoditi barangan terbabit adalah sisa elektronik dipercayai diim-



Mohd Asri (tengah) menunjukkan antara sisa elektronik dalam lapan kontena yang dirampas di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, semalam.

(Foto BERNAMA)

port tanpa permit import serta dibuat pengikraran dagangan import secara tidak betul dalam borang pengikraran.

"Rampasan e-waste membabitkan sampah bercampur wayar, kabel, komponen komputer dengan berat keseluruhan sebanyak 186,737 kilogram yang dianggarkan bernilai RM2,152,476.

"Siasatan mendapati, lima buah kontena dari negara Kanada, dua dari Sepanyol dan sebuah dari Croatia," katanya dalam sidang media di Pelabuhan

Utara, di sini, semalam.

## Pengikraran tidak benar

Mohd Asri berkata, pengimportan barangan e-waste adalah larangan bersyarat kecuali mengikut cara yang diperuntukkan di Bawah Butiran 54, Bahagian 1, Jadual Ketiga, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 yang memerlukan kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar.

"Siasatan mendapati, pihak terbabit membuat pengikraran

tidak benar dalam borang pengikraran dengan mengikrarkan dagangan sebagai 'Copper Concentrate' atau likatan tembaga bagi mengelakkan Permit Import daripada Jabatan Alam Sekitar.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967," katanya.

Ditanya mengenai operasi serbuan rentas negeri, beliau menegaskan kes rampasan berkenaan adalah maklumat yang diterima oleh JKDM Pahang.

"Bagi Bahagian Penguatkuasaan JKDM, kita tidak ada sempadan, mana-mana bahagian penguatkuasaan di seluruh negara, sekiranya kita mendapat maklumat, bahagian penguatkuasaan negeri berkenaan boleh mengambil tindakan.

"Contohnya (JKDM) Selangor, boleh mengambil tindakan terhadap apa-apa aktiviti haram atau penyeludupan di negeri Pahang ataupun di negeri Kedah dan mana-mana negeri (sekiranya menerima maklumat)

"Apabila terima maklumat, ini satu dasar yang dibuat oleh JKDM untuk mengekalkan maklumat itu supaya tidak terbocor dan sebagainya maksudnya kalau Pahang dapat maklumat, Pahang perlu kendalikan kes berkenaan sehingga ke pendakwaan di mahkamah walaupun kes di Selangor," katanya.